

Menanti munculnya PLANET Ke-12

DUNIA telah menjadi gempap apabila sebuah buku bertajuk Planet Ke-12 diterbitkan pada tahun 1976. Buku tersebut mengetengahkan hasil-hasil penemuan bagi kajian yang telah dijalankan ke atas artifak-artifak kuno tinggalan Tamadun Sumeria yang merupakan sebahagian daripada Tamadun Mesopotamia.

Buku tersebut telah ditulis oleh seorang pengkaji bahasa kuno Tamadun Sumeria bernama Zecharia Sitchin (11 Julai 1920 - 9 Oktober 2010) yang telah dilahirkan di Baku, Azerbaijan. Kemudian dia menjadi seorang penulis dalam bidang kaji purba dan menetap di New York.


Bahan-bahan yang dikaji oleh

Zecharia Sitchin adalah merupakan lukisan-lukisan di dinding-dinding bangunan lama Sumeria dan tulisan-tulisan pepahat yang terdapat di tablet-tablet tanah liat tinggalan orang-orang Sumeria. Tulisan pepahat orang-orang Sumeria juga dikenali sebagai tulisan cuneiform yang hampir menyamai tulisan orang-orang dari Tamadun Babylon.

Pada tahun 2006 iaitu 30 tahun selepas cetakan pertamanya, buku Planet Ke-12 telah dicetak sebanyak 45 kali dan telah diterjemahkan ke-21 bahasa. Dan, yang paling terkini iaitu bahasa ke-21 adalah ke dalam bahasa Korea. Sejak daripada cetakan pertama, berjuta-juta naskhah telah berjaya dijual!

Zecharia Sitchin telah berjaya menterjemahkan tulisan orang-orang Sumeria yang mengatakan bahawa bumi pernah dihampiri oleh sebuah planet gergasi yang bernama Nibiru. Menurut orang-orang Sumeria, ketika planet Nibiru menghampiri bumi, makhluk yang menghuni planet Nibiru yang dikenali sebagai Anunnaki dapat berhubung dengan manusia di bumi. Dan, pada suatu masa semasa planet Nibiru menghampiri bumi iaitu kira-kira 450,000 tahun dahulu, Anunnaki telah berjaya mendarat di permukaan bumi untuk mencari mineral bagi kegunaan mereka terutamanya emas.

Kali terakhir Nibiru menghampiri bumi dikatakan pada



tahun 556 sebelum Masihi atau 556 tahun sebelum kelahiran Nabi Isa. Planet Nibiru pula dikatakan mempunyai tempoh mengorbit matahari selama 3,600 tahun. Oleh yang demikian Nibiru dijangka akan menghampiri bumi semula sekitar tahun 2900 Masihi hingga awal tahun 3000 Masihi.

Anunnaki Atau Alien

Menurut catatan orang-orang Sumeria, Anunnaki adalah bersifat dewa di mana mereka mempunyai perwatakan dan rupa seperti manusia. Namun mereka memiliki tubuh badan dan dikatakan terbiasa daripada bahan-bahan yang lebih maju daripada

manusia atau mereka dianggap sebagai makhluk asing atau alien. Tubuh badan mereka pula lebih besar dan lebih tinggi daripada manusia kerana daya tarikan graviti yang lebih kuat di planet Nibiru. Ada di antara Anunnaki mempunyai ketinggian sehingga mencapai 36 kaki berbanding dengan manusia biasa yang kebiasaannya berketinggian enam hingga tujuh kaki sahaja.

Semasa makhluk Anunnaki mendarat di bumi, dikatakan ketika itu bumi dikuasai oleh spesies Homo Erectus. Dan kemudiannya diikuti dengan Neanderthal iaitu satu spesies yang hampir menyerupai

manusia moden tetapi mereka tidak mempunyai kecerdikan dan akal fikiran yang maju seperti kita. Manusia yang ada pada hari ini merupakan spesies Homo Sapien atau lebih dikenali sebagai manusia moden. Anunnaki dikatakan telah menakluki dan menguasai manusia kuno dan menjadi dewa-dewa kepunyaan manusia.

Kajian Zecharia Sitchin ke atas artifak-artifak Sumeria juga, Anunnaki dengan kemajuan pengetahuan dan pemikiran yang mereka miliki, telah menghasilkan Homo Sapiens atau manusia modern kaedah kejuruteraan genetik.



Zecharia Sitchin bersama lukisan pepahat Sumeria

Homo Sapiens telah dihasilkan oleh Anunnaki untuk dijadikan sebagai hamba bagi tujuan untuk membongka dan mengendalikannya lombong-lombong emas yang telah mereka temui di Afrika. Homo Sapiens yang dicipta oleh Anunnaki ini akhirnya mengatasi spesies Homo Erectus dan Neanderthal kerana kebijaksanaan yang telah mereka warisi melalui proses persilangan genetik di antara Anunnaki dan Homo Erectus.

Menurut Sitchin juga, ketika Nibiru memasuki pusat sistem suria semasa Anunnaki berjaya menjejak kami ke bumi, ia telah berlanggar dengan suatu objek yang dikenali sebagai Tiamat. Jika mengikut kajian yang dijalankan, Tiamat adalah merujuk kepada sebuah planet yang dibayangkan berada di antara planet Marikh dan Musytari.

Tiamat dan Nibiru

Pelanggaran antara Nibiru dengan Tiamat telah menghasilkan bumi, jalur asteroid atau *asteroid belt* dan juga komet. Apabila Tiamat dilanggar oleh salah satu bulan bagi planet Nibiru, ia terpecah kepada dua. Apabila Nibiru menghampiri pusat sistem suria untuk kali kedua, ia telah berlanggar dengan salah satu serpihan Tiamat lalu terbentuklah

apa yang kita kenali sekarang sebagai jalur asteroid.

Manakala separuh lagi serpihan Tiamat berlanggar pula dengan bulan bagi planet Nibiru dan akhirnya terpelanting ke suatu orbit baru dan hasil pelanggaran tersebut adalah pelanggaran tersebut adalah planet Bumi. Ketika pelanggaran yang membentuk bumi inilah Anunnaki tiba di permukaan bumi. Teori pelanggaran Nibiru dengan Tiamat lalu menghasilkan bumi ini amat menyerupai teori pelanggaran objek dari angkasa dengan peringkat awal bumi untuk menghasilkan bulan.

Kajian Sitchin juga menemukan bahawa orang Sumeria telah meninggalkan tulisan dan lakaran yang menunjukkan bahawa sistem suria kita terdiri dari matahari dan sebelas buah planet dengan memasukkan bulan juga merupakan salah satu planet. Ini bermakna, sistem suria kita mengikut orang-orang Sumeria adalah terdiri daripada matahari, Utarid, Zuhrah, bumi, bulan, Marikh, Musytari, Zuhal, Uranus, Neptun dan Pluto.

Ada sebelas objek atau sebelas planet kesemuanya iaitu termasuk matahari dan bulan. Manakala planet yang ke dua belas adalah merupakan planet Nibiru atau di dalam kitab

Bible disebut sebagai Neflim yang cuba dikaitkan dengan asal-usul kejadian manusia yang dikatakan telah diturunkan oleh Tuhan dari syurga.

Selain daripada buku Planet Ke-12 atau *The Twelfth Planet*, Sitchin juga telah menulis beberapa buah buku lagi yang berbentuk siri *The Earth Chronicles* antara lainnya termasuklah *The Stairway To Heaven*, *The Wars of Gods and Men*, *The Lost Realms*, *When Time Began*, *The Cosmic Code*, *The End of Days*, *Divine Encounters*, *Genesis Revisited* dan beberapa buah buku lagi.

Adakah Zecharia Sitchin Benar?


Penelitian semula penulisan Zecharia Sitchin oleh pakar-pakar astronomi dan sains dari seluruh dunia telah mendapati bahawa fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh Sitchin kebanyakannya telah ditafsirkan secara tidak tepat. Penemuan terkini mendapati bahawa orang-orang Sumeria hanya mengetahui lima buah planet sahaja apabila lukisan-lukisan mereka diteliti dengan lebih mendalam.

Ada lukisan yang telah ditafsirkan oleh Sitchin sebagai matahari tetapi penelitian semula dengan simbol-

simbol dari pelbagai lukisan lain mendapati bahawa simbol tersebut bukannya bermakna matahari tetapi bermaksud bintang. Penelitian semula ke atas tablet-tablet berkaitan dengan Astronomi dan kalendar orang-orang Sumeria mendapati bahawa hanya terdapat lima titik sahaja yang melambangkan hanya setakat lima buah planet sahaja yang diketahui oleh orang-orang Sumeria.

Pelbagai lagi kesisipan telah dikenal pasti daripada hasil penemuan Sitchin dan pelbagai pihak terutamanya saintis telah mengemukakan kritikan mereka terhadap Sitchin. Hasil-hasil kajian Sitchin kini lebih dikenali sebagai *pseudoscience* dan *pseudohistory*.

Walau bagaimanapun, hanya satu penjelasan oleh Sitchin yang hampir menyamai teori pelanggaran yang telah menghasilkan bulan iaitu, apabila Nibiru berlanggar dengan sebuah planet dikenali sebagai Tiamat yang dibayangkan berada di antara planet Marikh dan Musytari. Walau bagaimanapun, penjelasan oleh Sitchin masih berbeza dari segi tempoh masa (*timing*) dan juga perinciannya (*details*).



Pengetahuan sains pada hari ini hanya dapat menjelaskan bahawa sistem suria kita pada masa kini terdiri dari matahari dan lapan buah planet. Planet Pluto telah tidak diambil kira sebagai planet. Lanya telah diklasifikasikan semula untuk berada di dalam kelas planet kerdil bersama-sama beberapa planet kerdil lain.

Penemuan terkini oleh ahli Astronomi, Konstantin Batygin dan Mike Brown dari Caltech pada bulan Januari 2015, mengandaikan bahawa planet ke-sembilan bagi sistem suria kita kini sedang berada jauh dari matahari. Malah berada di luar sistem suria kita.

Planet kesembilan tersebut mungkin mempunyai jisim 10 kali lebih berat berbanding dengan bumi, bersaiz sebesar Uranus atau Neptun. Orbitnya sebesar 20 kali orbit planet Neptun dan tempoh

untuk ia melengkapkan pusingannya mengelilingi Matahari adalah selama 10,000 hingga ke 20,000 tahun!

Walaupun sains pada hari ini dapat menjelaskan kemungkinan wujudnya planet ke-sembilan di dalam sistem suria kita, Al-Quran telah

menjelaskan bahawa sistem suria kita terdiri daripada matahari dan bulan dan sebelas planet seperti yang dinyatakan oleh ayat ke-empat di dalam surah Yusuf, "*Tatkala Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: 'Wahai ayahku! Sesungguhnya aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; aku melihat mereka tunduk memberi bormat kepadaku'.*"

Sebelas bintang atau sebelas planet seperti di dalam surah Yusuf, planet ke-sembilan seperti yang dikaji oleh Konstantin Batygin dan Mike Brown dari Caltech dan planet ke-dua belas oleh orang Sumeria yang telah dibuktikan tidak tepat, bagaimana pula ketetapan oleh ahli falak dan ahli Astronomi Islam pada hari ini?

Wallahualam. **A**